

# Mahathir, Mukhriz macam langit dengan bumi

Um - 23/12/2022 m/s: 9

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Corak kepemimpinan dan pemikiran yang berbeza antara bekas Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir membuat parti itu terbahagi dua.

Krisis dalaman parti semakin meruncing terutama selepas Pejuang tewas teruk dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), membuatkan beberapa pemimpin tertinggi mahu bergabung dengan kerajaan dipimpin Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sedangkan Dr. Mahathir enggan menggadai prinsip dan perjuangan parti demi kepentingan politik tanpa mengambil kira menang atau kalah dalam pilihan raya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Ketua Pejuang Wilayah Persekutuan, Datuk

Seri Khairuddin Abu Hassan berkata, ada dalam kalangan pemimpin parti sanggup berubah fikiran dan melawan keputusan mesyuarat sedangkan ia sudah disepakati secara bersama.

“Selepas pilihan raya, saya melihat wajah dan warna sebenar segelintir pemimpin parti kerana sebelum ini setiap kali mesyuarat dan membuat keputusan secara konsensus, mereka menafikan segalanya dan saling tuding jari.

“Bagi mereka, pilihan terbaik adalah bergabung dan bekerjasama dengan PH. Rupanya mereka selama ini hanya bermuka-muka, hipokrit dan tikam belakang Dr. Mahathir. Saya tidak boleh menerimanya, apa jua kedudukan saya akan berdiri teguh mempertahankan perjuangan beliau.

“Apa yang pasti, mutu kepemimpinan Dr. Mahathir dan Mukhriz ibarat langit dan bumi, tetapi tidak mengapalah jika ini yang mereka mahu. Kita li-



**Ada dalam kalangan pemimpin parti sanggup berubah fikiran dan melawan keputusan mesyuarat sedangkan ia sudah disepakati secara bersama.”**

**KHAIRUDDIN ABU HASSAN**

hat sahaja ke mana Mukhriz membawa Pejuang selepas ini,” katanya ketika dihubungi semalam.

Selasa lalu, Khairuddin mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ketua Pejuang Wilayah Persekutuan dan Ahli Majlis Eksekutif Pusat (MEP) selepas hilang keyakinan dengan



kepemimpinan Mukhriz susulan peletakan jawatan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Pejuang. Khairuddin masih ahli Pejuang.

Dr. Mahathir meletakkan jawatannya namun kekal sebagai Pengerusi dalam gabungan Gerakan Tanah Air (GTA).

Seminggu sebelum itu, Ketua Pejuang Muda, Dr. Abu Hafiz

Salleh Hudin bertindak sama selepas mengambil kira pelbagai pertimbangan termasuk rasa bertanggungjawab atas prestasi buruk parti itu dalam pilihan raya.

Mengulas lanjut, Khairuddin mengesahkan segelintir pemimpin Pejuang yang kalah dalam pilihan raya peringkat Parlimen sanggup bergabung dengan parti politik lain kerana mahu bertanding dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang.

Ini berikutan wujud dakwaan bahawa Pejuang mengambil pendekatan mesra kerajaan supaya dapat memasuki pilihan raya negeri yang dijangka bermula tahun hadapan dengan lebih mudah, selain satu pihak lagi pula mahu parti itu kekal bebas.

“Ya, mereka mahu selamatkan kedudukan sendiri dalam pilihan raya negeri akan datang, mereka sanggup gadaikan prinsip yang membuatkan mereka hilang pedoman dan keimanan,” katanya.